

Kajian di angkasa lepas menakjubkan

Kosmo m/s 2 11.10.07

KUALA LUMPUR - Angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor akan menjadi doktor penyelidik yang paling sibuk apabila berada di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) nanti.

Menurut Robert L Gibson, 61, yang telah lima kali ke ISS, ia kerana, eksperimen makanan yang dibawanya ke angkasa lepas akan menjadi lebih berbeza dan mencabar berbanding ketika berada di bumi.

"Rasa makanan tradisi Malaysia yang telah dibawanya akan berbeza dan berlainan sekali apabila dinikmati di sana, yang pedas jadi tak pedas," jelasnya pada majlis pelancaran angkasawan pertama negara ke ISS secara lintas langsung bersama Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) malam tadi.

Beliau yang merupakan bekas tentera laut Amerika Syarikat telah ke ISS sejak 1992.

"Dia akan bawa balik banyak penemuan dan hasil kajian yang menakjubkan nanti," katanya.

Apabila ditanya mengenai kenyataan NASA yang mengatakan angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muszaphar tidak layak ke ang-



MUSZAPHAR menggenggam tangan tanda yakin sebelum menaiki roket Soyuz TMA-11 ke angkasa lepas di Baikonur semalam.

kasa lepas seperti yang di siarkan dalam laman webnya, beliau menegaskan:

"NASA sebenarnya ego dan cemburu dengan Dr. Sheikh Muszaphar, setahu saya dia sudah dilatih oleh NASA sendiri dan Rusia lebih setahun dan itu sudah mencukupi untuk dia mendapat gelaran angkasawan."

Sementara itu, hampir 2,000 pengunjung yang membajiri Dataran Merdeka di sini semalam kecewa apabila tidak dapat melihat siaran langsung pelancaran angkasawan Malaysia ke ISS gara-gara skrin gergasi yang disediakan di tempat tersebut difahamkan gagal berfungsi ekoran masalah teknikal.